

**Najib Hadiri Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Media Prima
Bernama
12 Feb, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor menghadiri majlis rumah terbuka Tahun Baharu Cina anjuran Media Prima Berhad (MPB) di Hotel Istana di sini hari ini.

Najib meluangkan masa kira-kira sejam meraikan Tahun Baharu Cina bersama pengurusan kanan dan kakitangan MPB.

Turut hadir Pengerusi MPB Datuk Johan Jaaffar dan Pengerusi The New Straits Times (M) Berhad (NSTP) Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan.

Kira-kira 2,000 orang menghadiri acara tahunan yang diadakan bermula pukul 4 petang hingga 9 malam itu.

Tetamu dihidangkan dengan pelbagai juadah antaranya yee sang, putu piring dan char kuetiau, selain dihiburkan dengan persembahan tarian singa.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1014030>